

# Larangan membawa masuk, import haiwan ke Sabah

utusan  
22/9/2015

**KOTA KINABALU 21 Sept.** - Semua aktiviti membawa masuk haiwan hidup terutama haiwan peliharaan dari Semenanjung ke negeri ini diberhentikan serta-merta untuk tempoh tertentu ekoran penularan virus rabies atau anjing gila.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (JPHT) negeri, Dr. Yeo Boon Kiat berkata, larangan itu juga melibatkan aktiviti mengimport semua jenis haiwan termasuk binatang peliharaan seperti anjing dan kucing dari Labuan.

"Sehubungan itu, semua lesen yang telah dikeluarkan sebelum ini untuk mengimport haiwan dari Semenanjung dan Labuan adalah dibatalkan buat sementara waktu, malah lesen itu juga menjadi tidak sah laku untuk beroperasi buat masa ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ujarnya, tindakan seumpama itu terpaksa dilaksanakan di negeri ini kerana penyakit anjing gila boleh menyebabkan kematian kepada manusia serta haiwan lain.

Buat masa ini menurutnya, Sabah masih lagi bebas daripada penyakit anjing gila dan langkah-langkah ketat termasuk larangan membawa masuk haiwan ke negeri ini terpaksa dilaksanakan.

Sehubungan itu beliau menasihati orang ramai supaya mematuhi larangan tersebut dan memaklumkan kepada JPHT negeri sekiranya terdapat kesangsian berhubung haiwan yang dipercayai terkena jangkitan penyakit tersebut.

Selain itu jelasnya, aduan juga boleh dilakukan jika berlaku aktiviti membawa masuk haiwan atau ternakan ke negeri ini tanpa kebenaran.

"Kemasukan haiwan secara tidak sah akan didakwa mengikut Seksyen 4 Ordinan Haiwan 1962, jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara setahun dan denda RM2,000," katanya.